



Lembaran Pendedahan Produk

Insurans Home Partner

Sila baca Lembaran Pendedahan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk membeli Insurans Home Partner. Pastikan juga anda telah membaca terma-terma dan syarat-syarat am.

NOTIS PENTING

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah sijil/polisi/produk yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk [Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM](#) atau hubungi [Tokio Marine Insurans \(Malaysia\) Berhad](#) atau [PIDM](#) (layari www.pidm.gov.my).

1. Apakah produk ini?

Polisi ini ialah polisi pakej komprehensif diri yang melindungi isi kandungan kediaman dan diri anda, pasangan anda dan anak-anak anda.

2. Apakah perlindungan/ manfaat yang disediakan?

Polisi ini memberi perlindungan ke atas:

- Isi rumah - Kerugian atau kerosakan isi kandungan kediaman dan barang persendirian. Polisi ini menawarkan jumlah asas diinsuranskan berjumlah RM10,000 berdasarkan premium minimum dan pertama berjumlah RM70.00.
- Kemalangan diri - RM10,000 jumlah modal diinsuranskan bagi setiap ahli keluarga hingga maksimum 5 orang ahli keluarga.
- Liabiliti diri - Liabiliti undang-undang terhadap kecederaan badan pihak ketiga akibat kemalangan dan kerosakan harta pihak ketiga akibat kemalangan.

Tempoh perlindungannya ialah selama satu tahun. Anda dikehendaki membaharui polisi insurans anda setiap tahun.

3. Bolehkan polisi ini mempunyai lebih daripada satu nama?

Tidak, hanya satu nama dibenarkan.

4. Bolehkah jumlah diinsuranskan berdasarkan nilai pengembalian semula?

Ya, atas permintaan dan dengan syarat jumlah diinsuranskan adalah mencukupi; jika tidak, syarat purata akan dikenakan, bermakna anda harus menanggung sendiri perbezaannya jika jumlah diinsuranskan adalah tidak mencukupi jika berlakunya tuntutan.

5. Bolehkah saya memilih untuk hanya melindungi barangan tertentu sahaja?

Tidak, semua isi kandungan kediaman mesti diinsuranskan.

6. Apakah peril tambahan yang boleh dimasukkan?

Anda boleh memasukkan peril tambahan seperti berikut di bawah perlindungan Isi Rumah:

- Tanah tenggelam dan tanah runtuh
- Kebakaran belukar
- Kerosakan akibat pokok tertumbang
- Kecurian penuh

7. Berapakah premium yang saya perlu bayar?

Jumlah premium yang anda perlu bayar bergantung kepada nilai penuh bagi kandungan kediaman anda dan peril tambahan yang dimasukkan ke dalam perlindungan asas:

Premium minimum polisi dan bagi RM10,000 pertama yang diinsuranskan : RM70.00
 Setiap RM1,000 bagi jumlah diinsuranskan yang berikutnya x RM5.00 : RM _____
 Perlindungan peril tambahan : RM _____
 Jumlah premium tahunan yang anda perlu bayar ialah : RM _____

8. Apakah yuran dan bayaran yang saya perlu bayar?

- Cukai Perkhidmatan : 8%
- Duti setem : RM10.00
- Komisen dibayar kepada pengantara insurans (jika ada) : 25% daripada premium atau RM _____

9. Apakah terma dan syarat utama yang saya harus ketahui?
Kepentingan pendedahan

- Menurut Perenggan 5 daripada Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, jika anda memohon Insurans ini sepenuhnya untuk tujuan yang tidak berkaitan perdagangan, perniagaan atau profesion anda, anda mempunyai kewajipan untuk mengambil langkah yang munasabah untuk tidak salah nyata dalam menjawab soalan-soalan di dalam Borang Cadangan (atau semasa memohon insurans ini). Anda dikehendaki menjawab soalan-soalan dalam Borang Cadangan ini dengan lengkap dan tepat.
- Kegagalan untuk mengambil langkah yang munasabah dalam menjawab soalan-soalan, mungkin mengakibatkan pembatalan kontrak insurans anda, keengganan atau pengurangan gantirugi, perubahan terma atau penamatan kontrak insurans anda.
- Kewajipan pendedahan di atas hendaklah diteruskan sehingga kontrak insurans anda dimeterai, diubah atau diperbaharui dengan kami.
- Sebagai tambahan kepada soalan-soalan di dalam Borang Cadangan (atau semasa memohon insurans ini), anda dikehendaki untuk mendedahkan apa-apa perkara lain yang anda tahu akan mempengaruhi keputusan kami dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang dikenakan.
- Anda juga mempunyai kewajipan untuk memberitahu kami dengan serta-merta jika pada bila-bila masa selepas kontrak insurans anda ditandatangani, diubah atau diperbaharui dengan kami (atau semasa permohonan insurans ini), apa-apa maklumat yang dinyatakan dalam Borang Cadangan tidak tepat atau sudah berubah.

Perlindungan di bawah Isi Rumah

- Jika nilai bagi mana-mana barangan dalam rumah anda melebihi 5% daripada jumlah yang diinsuranskan ke atas kandungan, maka anda dinasihatkan supaya mengisytiharkan barangan tersebut secara berasingan.

Perlindungan di bawah Liabiliti Diri

- Anda tidak harus mengkuai, menawar, menjanjikan atau membayar kepada pihak menuntut tanpa kebenaran bertulis daripada kami.

Anda harus memaklumkan ejen atau pihak kami secara bertulis tentang sebarang perubahan material sepanjang tempoh polisi supaya pindaan-pindaan yang wajar diendorskan pada polisi anda.

10. Apakah pengecualian utama di bawah polisi ini?

Polisi ini tidak melindungi:

- Membunuh diri, tidak siaman dan perbuatan mencederakan diri sendiri.
- Apa-apa bentuk penyakit, jangkitan atau parasit, AIDS
- Apa-apa kerugian turutan
- Denda, penalti, ganti rugi punitif dan teladan
- Perang, perang saudara, dan mana-mana tindakan keganasan
- Risiko radioaktif dan tenaga nuklear
- Tuntutan yang timbul daripada “Sindrom Toksik Protein Lateks” dan Asbestos

Nota: Senarai ini bukannya senarai yang lengkap. Sila rujuk kontrak polisi untuk senarai penuh bagi pengecualian di bawah polisi ini.

11. Bolehkah saya batalkan polisi ini?

Anda boleh membatalkan polisi ini dengan memberi notis bertulis kepada pihak kami. Selepas pembatalan, anda layak mendapat pemulangan premium ditolak premium pada kadar tempoh singkat bagi tempoh polisi yang telah berkuatkuasa, tertakluk kepada premium minimum berjumlah RM70.00 yang ditahan oleh pihak kami. Tiada pemulangan premium dibenarkan jika timbulnya tuntutan di bawah polisi ini.

12. Apakah yang harus saya lakukan jika terdapat perubahan dalam butiran peribadi saya?

Adalah penting bagi anda untuk memaklumkan pihak kami tentang sebarang perubahan mengenai maklumat anda bagi memastikan semua surat-menyurat dapat disampaikan kepada anda tepat pada masanya.

13. Dari manakah boleh saya dapatkan informasi yang lebih terperinci?

Sekiranya anda memerlukan informasi tambahan mengenai Insurans Home Partner (Penghuni Rumah) atau mana-mana jenis produk insurans yang pihak kami sediakan, sila hubungi kami atau mana-mana cawangan atau pengantara insurans anda atau layari laman web kami di www.tokiomarine.com

Tokio Marine Insurans (Malaysia) Berhad
Level 20, Menara Hap Seng 3,
Plaza Hap Seng, No. 1, Jalan P. Ramlee,
50250 Kuala Lumpur.

Customer Service Hotline: 1800 88 0812
Email: letusknow@tokiomarine.com.my

NOTA PENTING

Anda dinasihatkan untuk memahami jadual manfaat untuk kematian dan hilang upaya di dalam polisi insurans anda. Anda dinasihatkan untuk melantik penama dan memastikan penama anda tahu tentang polisi kemalangan diri yang anda beli. Anda hendaklah membaca dan memahami polisi insurans dan berbincang dengan pengantara insurans anda atau hubungi kami untuk keterangan lanjut.

Informasi yang disediakan dalam lembaran pendedahan ini adalah sah pada 01/03/2024

Tokio Marine Insurans (Malaysia) Berhad dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawalselia oleh Bank Negara Malaysia.